

MENINJAU ULANG WACANA KESETARAAN GENDER OLEH FEMINIS MUSLIM

Adibah Muhtar

adibah_dm@utm.my

Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Akmaliza Abdullah

Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Norhafizah Musa

Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Siti Suhaila Ihwani

Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Indriaty Ismail

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

ABSTRAK

Kesetaraan gender merupakan antara isu teras yang menjadi polemik dan perdebatan dalam wacana para feminis, samada feminis Barat mahupun feminis Muslim. Secara umumnya konsep gender membicarakan tentang kedudukan lelaki dan wanita dalam masyarakat serta peranan, tugas dan jangkauan sosial daripada kedua-duanya. Kesetaraan gender (*gender equality*) pula secara ringkasnya bermaksud persamaan status, hak, peluang, layanan dan peranan antara lelaki dan wanita secara mutlak dalam pelbagai aspek kehidupan. Faham feminisme dan kesedaran gender (*gender awareness*) mula muncul dalam kalangan masyarakat Muslim pada akhir kurun ke - 19 di beberapa negara di Timur Tengah. Tuntutan kesetaraan gender oleh para pejuang gerakan wanita Muslim pada fasa awal hanya tertumpu kepada hak-hak wanita di sektor awam terutamanya pendidikan dan penglibatan mereka dalam politik. Namun, selari dengan perkembangan kesarjanaan feminis Muslim, wacana kesetaraan gender berubah pendekatan dan digarap dalam kerangka agama yang mula mempertikaikan undang-undang Islam berkaitan wanita yang dianggap sebagai misoginis dan bias. Artikel ini bertujuan untuk meninjau ulang perkembangan wacana kesetaraan gender dalam kalangan feminis Muslim. Ia turut membandingkan konsep gender yang dianuti oleh feminis dengan konsep gender yang sebenar dalam Islam. Ia mendapati bahawa meskipun konsep gender tidak dibincangkan secara eksplisit dalam tradisi keilmuan Islam, Islam sebagai agama yang bertunjangan keadilan telah menetapkan hak, peluang dan peranan lelaki dan wanita sesuai dengan fitrah dan kapasiti masing-masing.

Kata Kunci: *Feminisme, Feminis Muslim, Kesetaraan Gender, Peranan Wanita, Bias Gender*

Pendahuluan

Firman Allah swt di dalam surah al-Nisa' ayat 32 yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu terlalu mengharapkan (ingin mendapat) limpah kurnia yang Allah telah berikan kepada sebahagian dari kamu (untuk menjadikan mereka) melebihi sebahagian yang lain. (Kerana telah tetap) orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan; (maka berusahalah kamu) dan pohonkanlah kepada Allah akan limpah kurniannya. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”

Kesetaraan gender (*gender equality*) yang menjadi dasar perjuangan para feminis serta aktivis wanita secara ringkasnya bertujuan untuk menuntut persamaan antara lelaki dan wanita dari segi hak, peluang dan layanan dalam segala aspek kehidupan dan kemasyarakatan. Meskipun kesetaraan gender merupakan suatu konsep yang agak baru dalam wacana kesjaranaan Islam dan tidak dibincangkan secara spesifik oleh ulama terdahulu, namun secara implisit konsep gender terkandung dalam wacana keilmuan ulama Islam merentas abad.

Sokongan terhadap perjuangan kesetaraan antara lelaki dan wanita dalam masyarakat Muslim bertambah kukuh sejak akhir kurun ke-20, kesan daripada peningkatan tahap pendidikan dan perkembangan kesjaranaan wanita, serta pertambahan mendadak dalam kajian dan penulisan mengenai isu-isu gender dan wanita. Perjuangan feminisme oleh para sarjana wanita Muslim juga mula tertumpu kepada usaha mempertikaikan sumber-sumber serta hukum-hukum dalam agama Islam yang dianggap bermasalah, mendiskriminasikan wanita serta misoginis. Feminis Muslim kini bukan hanya memperjuangkan persamaan antara lelaki dan wanita, bahkan lebih dari itu mereka mengemban misi untuk merombak semula Shari'ah Islam (Mir-Hosseini 1999) melalui projek penafsiran semula al-Qur'an dan hadis (Mernissi 1982; Wadud 1992).

Pendekatan feminis Muslim semasa dalam wacana kesetaraan gender ini memberi kesan dan pengaruh yang besar kepada masyarakat Islam secara amnya dan juga kesjaranaan keilmuan Islam secara khusus. Justeru, artikel ini bertujuan untuk meninjau secara ringkas susur galur perkembangan feminis Muslim serta pendekatan yang diambil dalam wacana kesetaraan gender. Selain itu, konsep gender sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam akan diketengahkan agar kekeliruan masyarakat Islam dapat dirungkai.

Sorotan Sejarah Feminis Muslim

Gelombang Feminisme Barat Pertama pada awal kurun ke-19 (sekitar tahun 1848-1960) dan seterusnya diikuti oleh Gelombang Feminisme Barat Kedua yang memuncak pada akhir tahun 1960an memberi impak kepada perjuangan emansipasi wanita dalam kalangan masyarakat Islam. Meskipun didasari oleh faktor, pendekatan dan ciri-ciri yang berbeza, tidak dapat dinafikan bahawa feminisme Barat memainkan peranan yang penting dalam menyuburkan kesedaran gender (*gender awareness*) dan faham feminisme dalam kalangan masyarakat Muslim di negara Arab (Badran 1990). Gerakan feminisme dalam masyarakat Muslim telah muncul di Mesir seawal pertengahan kurun ke-19 melalui perjuangan yang dipelopori oleh Zaynab al-Fawwaz (1860-1914) dan Aisyah al-Taymuriyyah (1840-1902). Selain daripada Mesir, kempen

menuntut hak-hak wanita juga dapat dikesan di Iran, melalui Tahirah Qurratul al-Ayn pada pertengahan tahun 1800an, di Turki dipelopori oleh Fatimah Aliyah Hanım di akhir tahun 1800an dan Nazirah Zayn al-Din di Lubnan sekitar tahun 1920an (Moghissi 1995).

Bagi mendapatkan gambaran yang jelas tentang corak perjuangan feminis Muslim, sejarah faham feminisme yang lahir di bumi Mesir perlu ditinjau semula. Pada peringkat awal, pergerakan wanita berjuang bersama para pejuang nasionalisme tempatan menentang kolonialisme Barat serta menuntut hak-hak wanita yang sewajarnya (Badran 2002). Tokoh besar feminis Mesir seperti Huda Shaarawi, pengasas *Egyptian Feminist Union* pada tahun 1923 turut terlibat dalam perjuangan ketenteraan dan berdemonstrasi bersama suaminya (Badran 2009; M. Karam 1998) dalam tuntutan kemerdekaan. Margot Badran, seorang sarjana pakar dalam sejarah feminisme Islam menyimpulkan bahawa selain daripada pengaruh nasionalisme, pergerakan kesatuan wanita Arab merupakan satu respon kepada ketidakadilan terhadap wanita yang diwarisi daripada tradisi dan adat-adat patriarki dalam masyarakat, serta situasi dan amalan politik yang bersifat patriarki.

Oleh yang demikian, penulisan berkaitan isu-isu gender dan kewanitaan pada peringkat awal kesedaran gender dilihat lebih tertumpu kepada usaha memartabatkan wanita dalam aspek pendidikan dan ekonomi, memberi peluang penglibatan yang sama dengan lelaki dalam ruanglingkup umum, mendapatkan layanan yang setara dengan lelaki serta menghapuskan diskriminasi terhadap wanita (Badran 2009). Wanita bukan lagi dianggap sebagai suri rumah yang hanya ditugaskan untuk melahirkan dan menjaga anak (*child bearer*), serta tidak dapat berpeluang untuk menyuarakan pandangan atau berperanan di dalam masyarakat umum.

Perjuangan kesetaraan (*equality*) antara lelaki dan wanita oleh para feminis dalam masyarakat Muslim mendapat sokongan yang besar sejak akhir kurun ke-20, akibat daripada peningkatan tahap pendidikan dan perkembangan keserjanaan wanita, serta pertambahan mendadak dalam penulisan mengenai isu-isu gender dan wanita. Pergerakan wanita pada fasa awal ini dipelopori oleh sekumpulan wanita kelas pertengahan yang berpeluang mendapatkan pendidikan tinggi samada dari dalam mahupun luar negara. Margot Badran dan Miriam Cooke (1990) menukil Zaynab Fawwaz (1860-1914), salah seorang tokoh utama bagi pergerakan wanita Mesir di dalam artikelnya berjudul "*Fair and Equal Treatment*" (1892) :

"For woman was not created in order to remain within the household sphere, never to emerge. Woman was not created to become involved in work outside the home only when it is directly for household management, childrearing, cooking, kneading bread, and other occupations of the same sort..."

Selain daripada faktor-faktor yang dinyatakan, faham feminisme juga berkembang pesat di masyarakat Muslim Timur Tengah disebabkan perkembangan gerakan feminisme Barat yang secara tidak langsung mempengaruhi keadaan sosio-budaya dan pemikiran wanita Muslim (Kausar 2008; Khalif Muammar 2009). Kempen literasi wanita di Barat yang berlangsung sejak kurun ke-18 turut memberi kesan kepada wanita Muslim, di mana wanita Muslim semakin mudah mendapat akses kepada bahan penerbitan wacana feminisme Barat. Selain itu, wacana pemikiran moden –liberal, Marxisme dan sosialisme bertambah kukuh di Barat pada sekitar kurun ke 19 dan 20 serta faham feminisme menjadi lebih radikal (Kausar 2008). Perkembangan pemikiran ini telah mempengaruhi kerangka pemikiran feminis Muslim dalam masyarakat Arab, serta mengubah aliran perjuangan kesetaraan gender sejak dua dekad terkini.

Aliran pendekatan yang diambil oleh generasi baru feminis Muslim berbeza daripada para peneraju mereka yang terdahulu, apabila mereka mula membincangkan isu-isu berkaitan wanita dalam kerangka agama Islam serta mencabar sumber-sumber agama serta tafsirannya, bagi menjustifikasi perjuangan mereka. Feminis generasi baru ini yang dibarisi oleh tokoh-tokoh seperti Mai Yamani, Amina Wadud, Asma Barla, Ziba Mir-Hosseini dan ramai lagi dinamakan sebagai 'feminis –Islamik' atau 'feminis Muslim', untuk membezakan mereka daripada feminis generasi awal yang membangkitkan perdebatan di luar kerangka dan paradigma agama. Beberapa isu yang kontroversi seperti hijab, kepimpinan wanita, hak-hak wanita dan juga keunggulan lelaki (*men's superiority*) mula menjadi topik perdebatan dan pertikaian (Khalif Muammar 2009). Feminis Muslim pasca-imperialisme kini juga menginginkan lebih daripada apa yang diperjuangkan oleh generasi awal, dan konsep kesetaraan gender dibincangkan dari perspektif agama bermaksud hujah-hujah daripada sumber-sumber al-Qur'an dan hadis yang terpilih. Untuk tujuan ini, ayat-ayat al-Qur'an dan pandangan ulamak yang dilihat sebagai misoginis, bermasalah, serta mendiskriminasi wanita, telah diulang-kaji, ulang-tafsir dan ulang-bina (*reconstruct*) dari perspektif wanita (Mernissi 1982; Wadud 1992) atas alasan para mufassir dan ulamak terdahulu menafsirkan ayat-ayat al-Qur'an secara bias. Tren ini telah membangkitkan pelbagai reaksi dan pandangan daripada para penentang mahupun pendukung feminisme sendiri.

Pendekatan Feminis Muslim dalam Wacana Gender

Secara umumnya, feminis Muslim boleh dikategorikan kepada dua kumpulan. **Pertama**, golongan yang memperjuangkan kesetaraan dan persamaan antara lelaki dan wanita secara mutlak (*total equality*) dalam segala aspek kehidupan. Golongan ini merupakan **feminis-sekularis** pada fasa awal perjuangan gender, yang menganggap Islam adalah agama misoginis yang perlu diketepikan dalam perjuangan menuntut persamaan. **Kedua**, golongan yang meyakini bahawa Islam adalah agama yang menekankan kepada kesetaraan antara lelaki dan wanita, namun teks-teks dan sumber-sumber agama perlu ditafsir semula untuk memugar kembali konsep persamaan dan kesetaraan tersebut. Golongan yang dikenali sebagai **feminis – Islamik** atau **feminis Muslim** ini memperkenalkan metodologi baru dalam mentafsir dan memahami al-Qur'an dan hadis, berlandaskan liberalisme dan pascamodenisme. Golongan kedua ini termasuklah Amina Wadud, Ziba Mir-Hosseini, Asma Barlas, Hibah Rauf Izzat dan ramai lagi.

Kebanyakan feminis Muslim membincangkan isu-isu gender berasaskan andaian bahawa para ulamak tradisional gagal memahami dan menafsir konsep persamaan antara lelaki dan wanita yang terdapat dalam sumber-sumber agama Islam. Hakikat ini, menurut mereka, mengakibatkan penafsiran yang bias gender dan perundangan agama yang diskriminasi terhadap wanita (Mernissi 1982, Wadud 1992 and Mir-Hosseini 1999). Diskriminasi, ketidakadilan dan layanan buruk terhadap wanita yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat yang diketuai oleh golongan agamawan serta mendakwa menjalankan pemerintahan berlandaskan Shari'ah, telah dijadikan justifikasi yang kukuh oleh mereka untuk mempertikaikan penafsiran oleh ulamak dan agamawan tradisional. Menurut feminis Muslim, *qawwamah* (kepimpinan lelaki atas wanita), kesaksian wanita, hijab, pewarisan, kelebihan lelaki (*superiority*)

dan sebagainya merupakan antara perkara-perkara yang bermasalah dalam agama serta perlu dikaji dan ditafsir semula.

Terkini, terdapat cabang keserjanaan baru yang digelar 'teologi feminis' dalam pengajian al-Qur'an yang dibina oleh feminis dan dipelopori oleh Amina Wadud-Muhsin, Riffat Hasan dan Asma Barlas. Mereka berpandangan bahawa tafsir ayat al-Qur'an sedia ada telah dibina dalam suasana patriarki dan bias gender, kerana kebanyakan para ulamak dan sarjana Muslim terdahulu adalah lelaki. Menerusi bukunya yang kontroversial bertajuk '*Qur'an and Woman*' (1992), Amina Wadud menegaskan bahawa pendekatan tafsir ulamak tradisional tidak mengambil kira pengalaman wanita, bahkan menafsirkan ayat-ayat dari sudut pandang atau perspektif lelaki sahaja. Justeru menurutnya, undang-undang Islam dan Shari'ah juga tidak terlepas daripada unsur-unsur patriarki. Maka atas sebab-sebab inilah para feminis Muslim menggerakkan misi merombak undang-undang Shari'ah dengan memperkenalkan 'tafsir wanita', melalui projek penafsiran semula al-Qur'an dan hadis yang sangat berbeza daripada tafsir sedia ada (Engineer, 1999; Khalif Muammar 2009).

Meskipun perbincangan tentang kesetaraan gender ini dilakukan dalam kerangka agama Islam, namun pemikiran feminis Muslim sebenarnya banyak terpengaruh dengan faham pemikiran Barat seperti liberalisme dan pascamodenisme (Zeenath Kausar 2006; Khalif Muammar 2009). Bahkan, konsep-konsep utama yang dibincangkan oleh mereka seperti keadilan, persamaan dan juga kebebasan dibina daripada pandangan alam (*worldview*) Barat. Selain daripada metodologi klasik dan tradisional seperti *ta'wil* dan *ijtihad* tanpa batasan, para feminis juga menggunakan pendekatan hermeneutik, pascamodenisme dan historisisme yang ternyata tiada dalam amalan para ulamak tafsir terdahulu. Justeru, meskipun wacana mereka cuba dijustifikasi sebagai Islamik dengan bersandarkan sumber-sumber agama, namun ia masih diwarnai dan dipengaruhi oleh faham pemikiran Barat.

Selain daripada al-Qur'an, perundangan Islam juga menjadi sasaran pertikaian oleh feminis Muslim. Ziba Mir-Hosseini (2009) dalam buku terbitan Sisters in Islam "*Wanted: Equality and Justice in the Muslim Family*" telah menimbulkan keraguan terhadap fiqh atau perundangan Islam sedia ada. Mir-Hosseini mendakwa bahawa undang-undang keluarga Islam adalah hasil andaian atau tanggapan sosio-budaya serta penaakulan perundangan (*juristic reasoning*) mengenai ciri-ciri hubungan lelaki dan wanita. Oleh yang demikian ia hanyalah ciptaan manusia, iaitu suatu struktur perundangan yang dibentuk oleh keadaan politik, budaya dan sosial yang terkandung dalam al-Qur'an dan diterjemahkan dalam bentuk perundangan. Tuduhan berbentuk keraguan terhadap autoriti dan keabsahan sebegini memberi implikasi negatif yang besar terhadap perundangan Islam dan keseluruhan keilmuan fiqh. Kesannya, golongan feminis dan juga masyarakat secara berterusan berusaha untuk merombak, merubah dan membina semula perundangan Islam mengikut kepentingan dan kehendak tersendiri.

Nawal Saadawi pula mendakwa bahawa penafsiran agama perlu dilakukan untuk membebaskan wanita dengan sebenarnya. Saadawi berpendapat bahawa agama ialah suatu bentuk fenomena sosial, maka penafsiran agama tidak seharusnya terbatas kepada ahli teologi semata-mata; bahkan ahli sosiologi, penulis dan pemikir yang lainnya patut diberi peluang untuk mentafsir semula agama (A. Winters 1995). Pandangan sebegini seolah-olah memberi mandat kepada sesiapa saja –meskipun tanpa ilmu agama yang secukupnya- untuk menafsir semula agama mengikut citarasa, kehendak dan faham pemikiran masing-masing. Tren sebegini akan

membawa kemudharatan kepada keserjanaan Islam serta kekeliruan ilmu yang maksima dalam kalangan masyarakat.

Kesetaraan Gender :Sama tidak Setara?

Sejarah peradaban dunia menyaksikan Islam adalah satu-satunya agama yang meletakkan wanita di tahap dan posisi yang sewajarnya, berbanding agama lain. Tambahan pula, wanita Muslim menikmati keistimewaan dan hak-hak tersendiri - seperti kemuliaan insan, pemilikan harta dan kemasyarakatan- yang telah digariskan oleh Allah SWT meliputi pelbagai aspek kehidupan (I. Doi 1992; Khan 2004) yang tidak terdapat dalam agama lain. Malah, al-Qur'an meletakkan wanita setaraf lelaki dalam aspek amal soleh dan ibadat. Surah al-Nahl (16:97) Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan.”

Walaupun hubungan antara gender, peranannya serta isu-isu berkaitan tidak dibincangkan secara spesifik dan eksplisit dalam al-Qur'an dan hadis serta tafsiran para ulamak, ini tidak bermakna hak, peranan dan fungsi wanita tidak dibincangkan dan ditekankan dalam Islam. Analisis konsep gender dapat disimpulkan dan dibangunkan daripada ayat-ayat al-Qur'an dan hadis Rasulullah s.a.w. yang berkaitan.

Istilah 'gender' yang berasal daripada bahasa Inggeris merupakan satu istilah yang agak baru. Sehingga kini, tiada definisi yang tuntas untuk gender dan konsepnya sentiasa diperbincangkan dari masa ke semasa. Hakikatnya, ia hanya mula muncul sekitar tahun 1980an, malah tiada rekod yang tepat mengenai bila dan di mana istilah gender ini mula digunapakai untuk merujuk perbezaan seksual (jantina) dari aspek sosial dan budaya (Glover & Kaplan 2009).

Gender secara umumnya bermaksud pembahagian atau pembezaan antara jantina yang ditentukan oleh masyarakat dan budaya setempat. Gender sebenarnya berbeza daripada 'sex' yang bermaksud perbezaan jantina dari segi biologikal (Stone 2007). Gender merujuk kepada sifat-sifat emosional dan psikologikal yang ditetapkan oleh sesuatu budaya bersesuaian dengan ciri fizikal kelelakian dan keperempuanan (Tuttle 1986), kerana menurut Stone (2007), ia adalah jangkaan dan harapan sosial (*social expectations*) yang ditetapkan untuk lelaki dan wanita. Meskipun konsep gender adalah sesuatu yang sentiasa menjadi subjek perdebatan, kita dapat simpulkan bahawa menurut Barat, sifat, ciri dan peranan lelaki dan wanita ditetapkan dan dibentuk oleh masyarakat serta budaya tertentu. Oleh yang demikian, implikasinya, peranan gender lelaki dan wanita boleh berubah-ubah dari generasi ke generasi yang lainnya.

Sebaliknya dalam Islam, gender boleh difahami sebagai pembahagian tugas, fungsi dan peranan lelaki dan wanita yang berlandaskan perbezaan fitrah serta keadilan yang dianjurkan oleh agama (Khalif Muammar 2009; Khan 2004) dan tiada persamaan mutlak antara lelaki dan wanita menurut Islam. Apa yang penting, peranan gender dalam Islam sangat berhubungkait dengan fitrah kejadian manusia (surah al-Rum 30:30). Islam mengambilkira perbezaan fitrah antara lelaki dan wanita dalam menentukan peranan, tugas dan hak masing-masing. Peranan lelaki dan wanita berbeza bukan hanya kerana mereka mempunyai fungsi biologikal dan fisiologikal

yang tidak serupa, yang turut memberi kesan kepada perbezaan sifat, sikap, kecenderungan dan keinginan masing-masing (Khalif Muammar 2014). Lebih dari itu, peranan gender berbeza kerana fitrah kejadian mereka yang tidak sama, yang telah ditetapkan serta diaturkan oleh Allah swt. Justeru, peranan lelaki dan wanita bukanlah sesuatu yang boleh diubah dan ditetapkan seiring dengan perubahan atau perbezaan generasi dalam masyarakat. Peranan gender (*gender roles*) bukanlah sepenuhnya ditentukan oleh adat tradisi, masyarakat atau ideologi; akan tetapi ia haruslah selari dengan ketetapan agama dan wahyu berlandaskan pandangan alam (*worldview*) Islam yang sebenar. Di sinilah terletaklah titik perbezaan antara konsep gender menurut Barat dan Islam.

Konsep kesetaraan gender yang diperjuangkan oleh feminis Barat menuntut agar lelaki dan wanita mendapat peluang, hak, layanan serta peranan yang sama dalam segala aspek dan bidang. Ia bertujuan untuk mengambil langkah-langkah yang sepatutnya bagi mengatasi batasan stereotaip dan prejudis sedia ada, supaya lelaki dan wanita dapat menyumbang serta menerima manfaat dalam pelbagai aspek pembangunan termasuklah ekonomi, kebudayaan, politik dan sosial (Global Education 2012). Pada tahun 1967, PBB mewartakan Deklarasi Penghapusan Diskriminasi Terhadap Wanita yang menyenaraikan 11 artikel berkenaan hak wanita, dan seterusnya diangkat sebagai pakatan antarabangsa *Convention on the Elimination of all Forms of Discrimination Against Women* (CEDAW) pada 1979.

Hakikatnya, persamaan atau kesetaraan (*equality*) adalah suatu terma yang sukar untuk dihuraikan secara tuntas. Siddiqi (1975) di dalam bukunya '*Women in Islam*' menjelaskan bahawa meskipun manusia adalah sama dari segi kejadian, namun realitinya kita tidak akan mendapati dua manusia yang benar-benar sama atau serupa dalam segala segi. Islam adalah agama untuk semua; lelaki dan wanita, dewasa dan kanak-kanak, yang mana semuanya tertakluk di bawah satu sistem dan perundangan agama. Oleh itu tidak wujud istilah 'Islam lelaki' atau 'Islam wanita' kerana tiada diskriminasi gender dalam Islam (Kausar 2007). Seringkali kita dapati al-Qur'an menyebut lelaki sebagai "*rajul/ rijal*" dan wanita sebagai "*imra'ah/ nisa*" ketika menjelaskan tentang hukum-hukum yang berkaitan. Dalam beberapa ayat al-Qur'an, Allah swt menyebut secara spesifik 'lelaki dan perempuan' bagi menekankan bahawa hukum, suruhan atau maksud ayat tersebut adalah ditujukan untuk kedua-dua jantina, sepertimana dalam surah al-Ahzab 33:35 dan Ali Imran 3:195. Ini membuktikan bahawa wanita juga menjadi '*mukhtab*' dalam injunksi Islam dan tidak dipinggirkan.

Zeenath Kausar (2002) menyimpulkan bahawa persamaan antara lelaki dan wanita menurut Islam termanifestasi dalam empat aspek utama: 1) asal-usul penciptaan lelaki dan wanita, 2) tujuan penciptaan tersebut, 3) keilmuan dan hidayah dan 4) ganjaran dan balasan yang sama. Persamaan ini jelas dihuraikan menerusi ayat-ayat al-Qur'an dan hadis Rasulullah s.a.w. Siddiqi (1975) pula menjelaskan asas persamaan antara lelaki dan wanita menurut al-Qur'an menyatakan bahawa kedua-dua jantina saling melengkapi antara satu sama lain, dan tiada yang inferior atau superior dari segi kemuliaan dan taraf. Lelaki dan wanita ternyata sama dalam beberapa aspek namun tidak dalam beberapa aspek yang lainnya.

Setiap individu diciptakan berbeza daripada individu yang lain. Meskipun terdapat beberapa persamaan terutamanya daripada aspek asal kejadian, tetapi perbezaan itulah yang menjadikan setiap manusia unik dan bernilai. Perbezaan antara lelaki dan wanita yang selari dengan fitrah sesungguhnya merupakan manifestasi kebijaksanaanNya apabila Allah memberi kelebihan kepada sesetengah manusia berbanding manusia yang lain, ataupun mengangkat darjat dan martabat sebahagian ke atas sebahagian yang lain (surah al-An'am 6:165) Kelebihan yang

diberikan kepada seseorang individu sebenarnya bukanlah satu kelebihan ataupun keistimewaan yang mutlak yang harus dibanggakan, sebaliknya ia adalah satu ujian daripada Allah yang akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak.

Kesimpulan

Konsep kesetaraan gender (*gender equality*) yang diperjuangkan oleh feminis Muslim sebenarnya tidak relevan bagi umat Islam dan tidak selari dengan hikmah penciptaan lelaki dan wanita. Ini kerana kesetaraan gender yang muncul di Barat adalah respon daripada penindasan dan diskriminasi terhadap kaum wanita. Sebaliknya, Islam menawarkan konsep gender yang lebih unik berdasarkan kepada perbezaan fitrah serta berlandaskan konsep keadilan (*justice*). Islam telah menetapkan yang terbaik kepada wanita dan menawarkan sesuatu yang lebih baik daripada kesetaraan gender iaitu keadilan, dengan meletakkan wanita dan lelaki di tempatnya tersendiri, agar masing-masing dapat menjalankan peranan yang telah ditetapkan oleh Allah untuk kedua-duanya.

Satu aspek utama yang perlu ditekankan dalam permasalahan gender ialah persamaan antara lelaki dan perempuan dari perspektif Islam tidak sepatutnya dinilai atau diukur dari sudut materialisme semata-mata, sebagaimana yang difahami oleh Barat. Sebaliknya, persamaan tersebut membawa maksud keseimbangan antara kebolehan, komitmen, tanggungjawab dan ganjaran (Khalif Muammar 2009). Dalam aspek moral dan perkembangan spiritual, lelaki dan wanita mempunyai peluang yang sama rata. Justeru tiada batas atau had tertentu bagi wanita untuk mempertingkatkan dan mengembangkan potensi spiritual dan amalan ketaatan kepada Allah. Kedua-duanya akan diberi balasan yang sama atas tindakan dan perbuatan terlarang, begitu juga dengan ganjaran pahala bagi amal ibadat.

Konsep keadilan yang melatari penetapan peranan, hak dan tugas lelaki dan wanita yang bersifat '*complementary*' adalah satu manifestasi Keadilan Allah swt. Sebagaimana yang dijelaskan dalam surah al-Isra' ayat 70, dari segi kemanusiaan, semua manusia samada lelaki atau wanita diciptakan sebagai makhluk yang mulia dan terhormat, dengan kelebihan-kelebihan yang tidak diberikan kepada makhluk yang lain. Kelebihan yang diberikan kepada Adam ini meletakkan manusia di atas makhluk-makhluk yang lain, sebagai khalifah di muka bumi, dan melayakkannya untuk mengurus segala sumber yang ada di bumi dan di langit untuk tujuan yang direstui oleh Allah swt.

Agenda feminis Muslim yang cuba merombak fiqh dan Shari'ah dengan cara mempertikaikan tafsiran dan pandangan ulamak tradisional adalah sesuatu yang tidak boleh diterima. Ini kerana, pendekatan dan metodologi mereka banyak dipengaruhi oleh faham pemikiran dan ideologi Barat. Bahkan, konsep kesetaraan gender yang diperjuangkan juga divedok dari perjuangan feminis Barat. Islam tidak membebaskan lelaki atau wanita dengan apa yang tidak sesuai dengan fitrah masing-masing, dan perbezaan antara kedua-duanya inilah satu kelebihan yang melengkapkan kehidupan di dunia ini. Justeru, kesetaraan gender tidak sewajarnya menjadi perdebatan dan pertikaian yang tiada kesudahan bagi umat Islam kerana keadilan merupakan sesuatu yang lebih fundamental yang perlu diamalkan. Tuntasnya, konsep gender dalam Islam bukanlah suatu *social construct* (bentukan budaya) yang disusun oleh manusia; ia sebenarnya ditentukan oleh Allah swt dengan mengambil kira segala perbezaan, kelebihan, kapasiti dan keterbatasan masing-masing.

Rujukan

- _____. 2006. *Muslim Women at the Crossroads*. Batu Caves: Thinker's Library.
- _____. 2009. *Feminism in Islam: Secular and Religious Convergences*. Oxford: Oneworld Publications.
- _____. 2009. *Towards Gender Equality: Muslim Family Laws and the Shari'ah*. In *Wanted: Equality and Justice in the Muslim Family*. Sisters in Islam: Petaling Jaya.
- _____. 2000. *Feminism and Islamic Fundamentalism: The Limits of Postmodern Analysis*. Karachi: Oxford University Press.
- _____. 2007. *Women's Empowerment and Islam: The UN Beijing Document Platform for Action*. 2nd edit. Batu Caves: Thinkers' Library.
- _____. 2014. *Faham Kesetaraan Gender Menurut Perspektif Islam*. Simposium UTAM. t.t.
- _____. Badran, M. 2002. *Islamic Feminism: What's in a Name?* www.weekly.ahram.org.eg/2002/569/cu1.htm
- Abdur Rahman I.DoI. 1988. *Women in the Qur'an and The Sunnah* London: Taha Publication.
- Badran, Margot dan Miriam Cooke. 1990. *Opening the Gates: A century of Arab Feminist Writings*. (ed.) London: Virago Press.
- Badran, Margot. 1995. *Feminists, Islam and Nation: Gender and the Making of Modern Egypt*. Princeton University Press: New Jersey.
- Barlas, Asma. 2006. *Believing Women in Islam: Unreading Patriarchal Interpretations of the Qur'an*. Austin: University of Texas Press.
- Engineer, Asghar Ali. 1999. *The Qur'an, Women and Modern Society*. New Delhi: Sterling Publishers.
- Global Education (2012). <http://www.globaleducation.edna.edu.au/globaled/go/pid/517>
- Glover, D. & Kaplan, C. 2009. *Gender: The New Critical Idiom*, 2nd edition. Oxon: Routledge.
- Karam, Azza M. 1998. *Women, Islamisms and the State: Contemporary Feminisms in Egypt*. London: Macmillan Press Ltd.
- Khalif Muammar A. Harris. 2009. *Atas Nama Kebenaran*. Kuala Lumpur: ATMA.
- Mir-Hosseini, Ziba. 1999. *Islam and Gender: The Religious Debate in Contemporary Iran*. New York: Princeton University Press.
- Moghissi, Heideh. 1996. *Populism and Feminism in Iran*. Macmillan Press Ltd: London.
- Saadawi, Nawal. 1982. *Women and Islam* ed. Azizah al-Hibri. Oxford: Pergamon Press.
- Stone, Alison. 2007. *An Introduction to Feminist Philosophy*. Cambridge: Polity Press.
- Tuttle, L. 1986. *Encyclopedia of Feminism*. London: The Rainbird Publishing Group.
- Wadud, Amina. 1992. *Qur'an and Women*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Winters, Paul A. ed. 1995. *Islam: Opposing Viewpoints*. California: Greenhaven Press.
- Yamani, Mai. ed. 2000. *Feminisme & Islam: Perspektif Hukum dan Sastra*. Trans. Purwanto. Penerbit Nuansa: Bandung.

Zeenath Kausar. 2002. *Woman as the Head of state in Islam?*. Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers.